

29 OCT 2001

Marina-Uganda

PEMIMPIN ISLAM MALAYSIA LAWAT UGANDA TINJAU PROGRAM PENDIDIKAN AIDS

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Sebanyak sembilan orang termasuk tujuh pemimpin Islam Malaysia, akan melawat Uganda bagi meninjau projek "Pendidikan AIDS melalui Imam" mulai esok hingga 7 Nov ini.

Pengarah Eksekutif Majlis Aids Malaysia (MAM) Nik Fahmee Nik Hussin akan mengetuai rombongan itu yang terdiri daripada wakil-wakil dari MAM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Persatuan Pengasih serta imam dan mufti.

Antara mereka ialah Mufti Perlis Datuk Haji Mat Jahya Husin, Imam Masjid Negara Haji Pirdaus Ismail, Imam Masjid Wilayah Persekutuan Mohamad bin Mohd Zain dan Pembantu Kanan Klinikal (Hal Ehwal Agama) Persatuan Pengasih Mohd Najib Mohamad Harun.

Presiden Majlis Aids Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir memberitahu pemberita hari ini bahawa tujuan utama lawatan itu ialah untuk mendedahkan pemimpin Islam negara ini mengenai usaha terbaik menangani HIV/AIDS di dalam konteks Islam di Uganda.

Projek anjuran Persatuan Perubatan Islam Uganda (IMAU) telah diiktiraf sebagai antara projek terbaik untuk menangani HIV/AIDS oleh Program Bersama HIV/AIDS Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNAIDS).

"Peluang untuk dimanfaatkan oleh pemimpin Islam negara ini melalui program seumpama itu amat besar," katanya.

Lawatan itu ditaja sepenuhnya oleh Yayasan Al Bukhari dan dikelolakan (MAM).

Marina berkata lawatan itu dianjurkan susulan daripada Kolokium Islam dan HIV/AIDS yang dianjurkan oleh MAM pada Mei 1999 yang turut dihadiri Pengerusi IMAU Dr Magid Kagimu Salonga.

Katanya langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh komuniti Islam dalam menangani HIV/AIDS serta sokongan dan rawatan yang diberikan oleh masyarakat Uganda amat memberangsangkan.

Selain meninjau program IMAU dan projek-projek lain yang dijalankan di Uganda, peserta juga berpeluang menghadiri Perundingan Pemimpin Islam Antarabangsa mengenai HIV/AIDS yang akan berlangsung di Kampala dari 1 hingga 4 Nov.

IMAU telah menggerakkan orang Islam di Uganda untuk bersama membanteras AIDS melalui "Pendidikan Pencegahan AIDS Melalui Imam", projek yang bermula di dua daerah pada 1992 dan telah meluas ke 10 daerah dalam masa lima tahun.

Projek itu membabitkan 850 masjid dan telah melatih 6,800 sukarelawan.

-- BERNAMA

MUN AHH MAI